



Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Tehadap Penghayatan Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal *A Preliminary Study on Practice of Virtuos Student Character (Sahsiah Unggul Murid, SUMUR) towards Students Moral Appreciation*

Open
Access

Mardiyah Ab Aziz^{1,2,*}, Nurul Ilyana Muhd Adnan^{1,2}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 8 February 2018

Received in revised form 4 March 2018

Accepted 21 March 2018

Available online 31 March 2018

ABSTRACT

Anjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bermatlamat "Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai" yang lebih menjurus kepada penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan. Namun begitu, dewasa ini keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin meningkat dan amat membimbangkan. Justeru, artikel ini adalah kajian awal yang bertujuan untuk meninjau tahap penghayatan akhlak pelajar melalui program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) terhadap pelajar SMA dato' Klana Petra Maamor Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif (tinjauan soal selidik). Data dikutip melalui soal selidik yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar. Semua data-data yang diperolehi, diproses dan dianalisis menggunakan komputer melalui program Statistical Package For The Social Science (SPSS) for window (version 22.0). Hasil kajian menunjukkan tahap pengamalan murid terhadap Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) berada di tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan adalah 3.96 dan tahap penghayatan akhlak murid berada di tahap tinggi dengan min keseluruhan adalah 4.44.

The third shift in Malaysia Education Development Plan (PPPM) 2013-2025 aims to "develop value-driven Malaysians" which further lead to the application of moral values in education. However, today the moral collapse among adolescents is increasing and alarming. Therefore, this article is a preliminary study that aimed to examine the level of appreciation of students' morals (akhlak) through the Student Virtuos Students Character (Sahsiah Unggul Murid, SUMUR) towards students of SMA Dato' Klana Petra Maamor Seremban, Negeri Sembilan. This study uses quantitative design (survey questionnaire). Data was collected through questionnaire which involved 30 students. All the data obtained, processed and analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) program (version 22.0). The result of the study showed that the level of students' practice on the Virtuos Students Character Module was moderately high with the overall mean of 3.96 and the level of moral appreciation of the students was at a high level with the total mean of 4.44.

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

* Corresponding author.

E-mail address: marwa_adnin2012@yahoo.com (Mardiyah Ab Aziz)

Keywords:

Penghayatan akhlak, pengamalan, Sahsiah
Unggul Murid (SUMUR)

*Appreciation morality, Practice, Virtuous
Students Character*

1. Pengenalan

Kemuliaan dan kedudukan seseorang dinilai pada ketinggian takwanya yang dizahirkan melalui akhlak peribadinya [1]. Mohamed Hamdan Abdullah [2] juga menyatakan teguhnya sesuatu ummah itu kerana baik akhlaknya dan robohnya sesuatu ummah itu kerana buruk akhlaknya. Ini kerana keimanan yang teguh mencerminkan keperibadian yang baik, manakala keimanan yang goyah menggambarkan akhlak yang buruk. Oleh itu Islam amat mementingkan aspek akhlak yang merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri kerana akhlak merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia. Nabi Muhammad diutuskan menjadi Rasul adalah bertujuan untuk membina dan menyempurnakan akhlak manusia. Ini kerana seseorang yang memiliki iman yang sempurna adalah yang paling baik akhlaknya.

2. Pernyataan Masalah

Saban hari kita dipertonton dan diperdengar dengan isu masalah sosial yang melibatkan pelajar sekolah tidak terkecuali pelajar-pelajar sekolah agama. Menurut Azhar Ahmad [3], keruntuhan akhlak ini bukan kerana mereka jahil tentang agama tetapi tidak ada panduan dan dorongan serta mereka tidak pandai menilai antara kebaikan dan keburukan. Sehubungan itu isu penghayatan akhlak pelajar sering menjadi topik perbincangan masyarakat setempat kerana mereka inilah generasi yang bakal mewarisi kepimpinan Negara. Menurut Noor Hafizah Mohd Haridi [4], Remaja lebih cenderung kearah gejala sosial adalah disebabkan tahap penghayatan agama yang rendah. Pernyataan ini turut disokong oleh Asmawati Suhid [5], yang menyatakan sistem pendidikan hendaklah selari dengan nilai-nilai agama dan moral. Ini kerana untuk merungkai masalah sosial pada hari ini hanyalah dengan melahirkan pelajar yang mempunyai penghayatan akhlak yang tinggi.

Dahulu masalah disiplin dalam kalangan pelajar hanya melibatkan kes-kes kecil seperti ponteng kelas, melawan guru, bergaduh, mencuri dan jenayah-jenayah kecil, tetapi pada hari ini melibatkan kes-kes berat [5]. Bertepatan dengan kajian Wan Nor Adibah Wan Ahmad [7], berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid 2013, di Negeri Selangor, seramai 8923 orang murid terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah menengah termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Perkara ini memerlukan usaha pemurnian jiwa dan kembali kepada agama dengan menerapkan nilai-nilai agama yang sebenar supaya dapat dipelajari dan dihayati serta diamalkan dalam segenap kehidupan.

Kegagalan murid dalam menghayati dan mempamerkan akhlak yang baik bukan sahaja berlaku di sekolah menengah kebangsaan malah berlaku juga di sekolah aliran agama. Pernyataan ini dibuktikan oleh Sarimah Mokhtar et al. [8] iaitu melalui kajian amalan penghayatan akhlak Islam terhadap pelajar SMKA, SABK, SBP, SMK & SMT/V. Dapatan kajian mendapati skor min yang paling rendah SMT/V (278.09) diikuti SMK (321.51), SABK (330.71), SBP (348.78) dan skor min yang paling tinggi ialah SMKA (385.62). Walaupun hasil kajian menunjukkan SMKA dan SABK berada dalam kedudukan yang tinggi, namun begitu adalah tidak wajar pelajar yang dididik dalam aliran agama mempunyai penghayatan akhlak yang rendah. Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian Ishak

Ismail [9], menyatakan pelbagai kes salah laku dan kemerosotan akhlak pelajar turut berlaku di sekolah menengah aliran agama. Hasil kajian mendapati pelajar Sekolah Menengah Agama yang terlibat dengan kegiatan judi dengan jumlah min 2.22 (sederhana rendah), terlibat dengan kes mencuri dengan min 3.52 (sederhana tinggi), terlibat dengan kegiatan peras ugut dengan min 3.12 (sederhana tinggi), terlibat dengan merokok dengan min 3.22 (sederhana tinggi) dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan min 2.00 (rendah).

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar kurikulum dan kokurikulum Pendidikan Islam dapat melahirkan insan berilmu, beramal soleh dan bertakwa serta bertanggungjawab sebagai hamba Allah. Justeru itu berdasarkan masalah-masalah yang berlaku dan demi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan modal insan yang mantap dalam akademik dan tinggi nilai akhlaknya, maka Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah melancarkan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di semua Sekolah SMKA dan SABK di Malaysia agar matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan modal insan yang beriman dan bertakwa dapat direalisasikan.

3. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap Penghayatan akhlak murid melalui pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR).

4. Tinjauan Literatur

4.1 Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)

Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) merupakan program sahsiah yang dilaksanakan di SMKA dan SABK di seluruh Malaysia yang dilancarkan oleh YB Dato' Noh bin Omar, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia pada 29 Oktober 2007 di Sekolah Agama Menengah Tanjung Karang, Kuala Selangor, Selangor. Sepuluh buah sekolah telah dipilih sebagai sekolah rintis yang melibatkan lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan lima buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pelaksanaan program SUMUR di sekolah rintis ini dilaksanakan selama empat bulan.

Program SUMUR ini pada dasarnya merangkumi sifat Islam yang syumul yang bertujuan membaiki dan membentuk sahsiah murid yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Matlamat pelaksanaannya selaras dengan anjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu "Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai" yang lebih menjurus kepada penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan. Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) merupakan program sahsiah yang dilaksanakan di SMKA dan SABK kerana sekolah agama merupakan medan utama dalam membina keperibadian, juga penjana generasi berakhlak. Pernyataan ini disokong oleh [10–12] yang menyatakan, sekolah agama memainkan peranan utama dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mahmudah serta membebaskan pelajar dari akhlak mazmumah. Ini kerana usaha membangunkan modal insan bukan sesuatu yang mudah malah perlu diusahakan secara bersama dan berterusan.

Program SUMUR mengandungi empat modul iaitu Modul Budi Bahasa, Modul Mutadayyin, Modul Penampilan Diri dan Modul Jati Diri.

i. Budi Bahasa

Modul Budi Bahasa berfokuskan kepada pembentukan akhlak murid dengan menerapkan nilai-

nilai murni dalam kehidupan seharian. Antara ciri-ciri budi bahasa yang hendak dibina ialah sikap hormat menghormati, tolong menolong, menghargai pemberian orang lain atau mengenang budi dan menggunakan laras bahasa yang sesuai apabila berhubung sesama manusia [13]. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ialah mengadakan kempen 5S (senyum, salam, sapa dan sayang), membuat banner, banting atau pamflet maksud hadith atau kata-kata motivasi seperti “Guruku ibubapaku” atau “Kami sayang guru” [13].

ii. Mutadayyin

Modul Mutadayyin merujuk kepada perbuatan dan amalan harian murid terhadap perkara-perkara berkaitan dengan rukun Islam, konsep ibadah serta Islam sebagai satu cara hidup. Program ini bertujuan melahirkan pelajar yang menjaga kesempurnaan amalan ibadat dalam kehidupan mereka [13]. Antara ciri-ciri program mutadayyin yang dihasratkan dalam program ini seperti aspek solat berkualiti, tadarus al-Quran dan amalan zikir serta doa berterusan.

iii. Modul Penampilan Diri

Program penampilan diri merujuk kepada penampilan diri yang bertepatan dengan syarak. Ianya merangkumi aspek pemakaian, adab sopan, kepemimpinan dan sikap positif dan proaktif. Aspek pemakaian dinilai dari elemen kekemasan, menutup aurat, bersih dan kesesuaian mengikut suasana, tempat dan majlis. Aspek adab dilihat dari elemen adab bercakap, menuntut ilmu dan pergaulan. Aspek kepimpinan dinilai dari elemen bijak membuat keputusan dan kebolehan berkomunikasi dengan baik, manakala aspek sikap positif dan proaktif dinilai dari elemen aktif di dalam dan luar kelas serta kecenderungan membantu orang lain. Menurut Al-Ghazali [14] sikap positif dan proaktif lahir dari perasaan seseorang yang mempunyai kesedaran bahawa setiap apa yang dipertanggungjawabkan itu akan dinilai oleh Allah SWT di akhirat kelak.

iv. Modul Jati Diri

Modul Jati Diri bermatlamat melahirkan murid yang mengenali diri sendiri, mengetahui tanggungjawabnya sebagai seorang muslim dan memiliki semangat juang yang tinggi serta mempunyai akhlak terpuji [13]. Melalui program jati diri para murid akan memiliki sikap yakin diri, sabar dan tabah, tetap pendirian dan semangat juang.

Ringkasnya, pengamalan modul SUMUR ini selari dengan kehendak islam dan bertepatan dengan dengan anjakan ketiga dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 yang memberi penekanan untuk “Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai”. Penghayatan nilai yang dihasratkan mampu dicapai melalui pengamalan modul SUMUR yang dibiasakan pelajar sebagai amalan seharian. Justeru itu, matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang dihasratkan oleh FPK juga perlu melalui proses penerapan nilai dan akhlak di jiwa setiap individu. Tanpa penyerapan nilai dan akhlak dalam pendidikan, impian untuk melahirkan insan yang cemerlang dalam semua bidang akan menjadia angan-angan. Bertepatan dengan pandangan Asmawati Suhid [15] yang menyatakan hanya penerapan nilai akhlak sahaja yang mampu mencorak, mendidik dan melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhlak mulia.

4.2 Penghayatan Akhlak

Penghayatan akhlak merujuk kepada sifat dan tingkah laku yang bersesuaian seperti yang digariskan dalam al-Quran dan al-sunnah seperti nilai-nilai baik, perintah, larangan, galakan dan tegahan berkaitan dengan akhlak, adab dan tingkah laku orang-orang beriman sesuai dalam semua peringkat kehidupan manusia [8]. Akhlak merupakan roh Islam dan tanpa akhlak agama diibaratkan seperti jasad yang tidak bernyawa. Menurut Al-Ghazali [14] kekuatan atau kelemahan iman seseorang dapat diukur dan dilihat dari perilaku akhlaknya. Ini kerana iman yang kuat menampilkan peribadi yang baik.

Oleh itu Islam amat mementingkan aspek akhlak yang merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri kerana akhlak merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia. Akhlak merupakan sifat yang sehati dalam diri individu dan merupakan agen yang mencetuskan pelbagai tingkahlaku sama ada buruk atau baik bergantung kepada sifat dalaman yang dimiliki. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dibentuk juga bermatlamat untuk melahirkan insan yang baik, berakhlak mulia dan sempurna sama ada dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani.

Bagi mengukur tahap penghayatan akhlak pelajar terhadap Modul sahsiah Unggul Murid, konstruk akhlak dibahagikan kepada 5 aspek. Berakhlak dalam Islam boleh diklasifikasikan kepada beberapa aspek iaitu berakhlak terhadap Allah, terhadap Rasul, terhadap diri sendiri, terhadap ibu bapa, terhadap guru, terhadap rakan dan terhadap ilmu [16].

5. Metodologi Kajian

Kajian yang digunakan ialah reka bentuk kuantitatif dan jenis kajian ialah kajian tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik. Menurut Wiersma [17] menyatakan kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah terbaik sekiranya kajian tersebut bertujuan menilai atau mengukur sikap, persepsi dan pencapaian. Oleh itu, soal selidik akan bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel seramai 30 orang pelajar tingkatan empat di SMA Dato' Klana Petra Maamor Seremban.

Satu set soal selidik direka bentuk bersesuaian dengan tahap murid yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang demografi murid. Bahagian B terdiri daripada soalan tertutup yang menggunakan Skala Liket lima mata bagi menjawab setiap item dalam soal selidik ini. Menurut Wiersma [17], untuk mengukur pandangan yang diberikan tentang sesuatu amalan, persepsi dan sikap, skala liket sesuai digunakan. Skala persetujuan jenis lima liket yang digunakan ialah (1) tidak pernah, (2) jarang, (3) kadangkala, (4) kerap dan (5) sentiasa. Bahagian B soal selidik ini merujuk kepada pengamalan modul SUMUR bagi melihat kekerapan amalan tersebut diamalkan. Terdapat empat modul SUMUR yang dikaji iaitu modul Budi Bahasa, modul Mutadayyin, modul Penampilan Diri dan modul Jati Diri. Sejumlah 47 item yang diubahsuai yang terdiri daripada 12 item untuk modul Budi Bahasa, 14 item modul Mutadayyin, 12 item modul Penampilan Diri dan 9 item modul Jati Diri. Pembinaan item Bahagian B iaitu pengamalan murid terhadap aktiviti atau amalan modul SUMUR berpandukan modul SUMUR daripada Bahagian Pendidikan Islam. Item pengamalan modul ini diadaptasi daripada kajian [7].

Bahagian C merupakan domain penghayatan akhlak murid yang terdiri dari 22 item dan merupakan soalan tertutup dengan menggunakan Skala Liket lima mata iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Pembinaan item dalam Bahagian C ini diambil dari penulisan penulisan Hasnan Kasan [16] serta adaptasi daripada kajian Azhar Ahmad [3], Azma Mahmood [18] dan [7].

Data kajian awal diproses dan dianalisis menggunakan komputer melalui program *Statistical Package For The Social Science (SPSS) for window (version 22.0)*. Analisa yang digunakan ialah analisis deskriptif (kekerapan, peratus dan skor min). Skor purata min diinterpretasikan berdasarkan 4 tahap [19]. Penjelasan skor bagi setiap item yang terdapat dalam soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 1

Interpretasi skor min analisis deskriptif	
Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

Sumber : Nunally [19]

Keesahan muka dan kandungan instrumen yang digunakan telah diperakui dan dipersetujui oleh tiga orang panel rujukan. Ujian Cronbach Alpha dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen dan didapati nilai pekali cronbach yang tinggi iaitu antara 0.82-0.89 bagi konstruk pengamalan SUMUR dan sangat tinggi 0.921 bagi penghayatan akhlak.

6. Dapatan dan Perbincangan

6.1 Profil Responden

Jadual 2 di bawah menunjukkan profil responden kajian. Jumlah responden ialah 30 Orang dengan 10 (33.3%) terdiri daripada responden lelaki dan seramai 20 (66.7%) adalah responden perempuan. Dari segi aliran akademik, responden yang beraliran sains seramai 6 orang (20.0%) dan sastera adalah 24 orang (80.0%). Bagi tempoh pengamalan SUMUR pula seramai 3 orang (10.0%) responden yang mengamalkan sumur selama satu tahun dan seramai 27 orang (90.0%) responden yang mengamalkan SUMUR selama 4 tahun. Ini menunjukkan responden kajian majoriti mengamalkan SUMUR selama empat tahun. Manakala dari aspek pencapaian Pendidikan Islam dalam PT3 pula, majoriti responden mencapai gred A iaitu seramai 26 orang (86.7%) dan gred B seramai 4 orang (13.3%). Ini menunjukkan pengetahuan tentang Agama Islam responden mencapai tahap peratus yang tinggi. Dari segi pilihan masuk sekolah pula 13 orang (43.3%) dengan pilihan ibu bapa dan 17 orang (56.7%) adalah dengan pilihan sendiri.

Jadual 2

Profil responden kajian			
Latar Belakang		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	10	33.3
	Perempuan	20	66.7
Aliran	Sains	6	20.0
	Sastera	24	80.0
TPS	1	3	10.0
	4	27	90.0
PP1_PT3	A	26	86.7
	B	4	13.3
Pilihan Masuk Sekolah	Ibu Bapa	13	43.3
	Sendiri	17	56.7

6.2 Tahap pengamalan murid terhadap Modul Sahsiyah Unggul Murid (SUMUR)

Jadual 3 menunjukkan min keseluruhan tahap pengamalan murid terhadap Modul Sahsiyah Unggul Murid (SUMUR). Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengamalan murid terhadap Modul Sahsiyah Unggul Murid (SUMUR) berada di tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan adalah 3.96 dan sisihan piawai adalah 0.45.

Jadual 3

Min keseluruhan tahap pengamalan SUMUR

	N	Min	Sisihan piawai
Tahap pengamalan murid terhadap Modul Sahsiyah Unggul Murid (SUMUR)	30	3.96	0.45

Jadual 4

Skor min, sisihan piawai dan interpretasi pengamalan modul SUMUR

Subfaktor	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Budi Bahasa	4.09	0.46	Tinggi
Mutadayyin	3.66	0.48	Sederhana Tinggi
Penampilan Diri	4.03	0.62	Tinggi
Jati Diri	4.04	0.54	Tinggi

Merujuk pada jadual 4, keputusan deskriptif menunjukkan keputusan min, sisihan piawai dan interpretasi empat konstruk faktor pengamalan SUMUR. Keputusan min menunjukkan empat konstruk pengamalan modul SUMUR mengikut min tertinggi ialah konstruk modul Budi Bahasa (min = 4.09, sp = 0.46), konstruk modul Jati Diri (min = 4.04, sp = 0.54), konstruk modul Penampilan Diri (min = 4.03, sp = 0.62) dan konstruk modul Mutadayyin (min = 3.66, sp = 0.48). Tiga dari konstruk pengamalan modul SUMUR menunjukkan nilai tinggi dan satu konstruk menunjukkan nilai sederhana tinggi terhadap data kajian. Keputusan ini mentaksirkan bahawa majoriti pengamalan SUMUR murid-murid berada pada tahap tinggi.

Secara keseluruhan, analisis kajian mendapati amalan responden dalam modul Budi Bahasa mencapai tahap yang tertinggi (min = 4.09, sp = 0.46) daripada empat domain yang diuji dalam pengamalan modul SUMUR. Manakala amalan responden dalam modul Mutadayyin mencapai tahap yang terendah (min = 3.66, sp = 0.48). Dapatan ini menggambarkan bahawa responden dalam kajian ini mudah mengamalkan nilai murni berbanding melaksanakan amalan ibadat khusus.

Analisis deskriptif bagi setiap empat konstruk pengamalan modul SUMUR dihuraikan secara lebih terperinci dengan menggunakan analisis kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai tahap pengamalan murid.

Berdasarkan jadual 5 di atas, perincian skor min tahap pengamalan modul Budi Bahasa mendapati, skor min tertinggi (4.67) diperolehi dari item kedua "Saya memberi salam apabila bersua dengan guru" juga mencapai peratus tertinggi (76.7%). Skor min sederhana tertinggi ialah pada item "Saya menolong ibubapa saya di rumah" (min = 4.60). Skor min terendah ialah pada item "Saya memberi salam apabila bersua dengan rakan" (min = 3.30). Kesimpulannya hasil dapatan menggambarkan pengamalan murid dalam modul Budi Bahasa berada pada tahap tinggi. Walaupun begitu, terdapat juga dikalangan mereka mempunyai tahap amalan sederhana tinggi dalam aspek tertentu yang mampu memberikan kesan terhadap sifat peribadi seseorang. Dapatan ini menyamai dengan dapatan [20] min = 4.12, Sarijah Abdul Salim (2007) min = 4.75 yang

merumuskan nilai hormat menghormati mencapai tahap tinggi dalam kalangan murid muslim di sekolah Menengah.

Perincian skor min tahap pengamalan modul Mutadayyin dalam kalangan murid terdiri dari 3 tahap iaitu tahap tinggi, sederhana tinggi dan sederhana rendah. Bagi amalan yang mencapai tahap skor min tertinggi ialah item “Saya tetap menunaikan solat lima waktu dimana sahaja saya berada” (min = 4.63). Dapatan kajian menunjukkan seramai 23 orang murid (76.7%) sentiasa menunaikan solat lima waktu walau dimana sahaja berada. Amalan skor min sederhana tinggi ialah “Saya menunaikan solat fardhu pada awal waktu di rumah” (min = 3.47) dan skor min sederhana rendah ialah “Saya mengamalkan puasa sunat pada waktu cuti sekolah” (min = 2.60).

Jadual 5

Analisa tahap pengamalan modul SUMUR

Kod Item	Sub konstruk	TP	J	KK	K	S	Min
Budi Bahasa							
BB02	Saya memberi salam apabila bersua dengan guru	0	0	3 (10.0)	4 (13.3)	23 (76.7)	4.67
BB04	Saya menolong ibubapa saya di rumah	0	0	5 (16.7)	14 (46.7)	11 (36.7)	4.20
BB01	Saya memberi salam apabila bersua dengan rakan	0 (0.0)	5 (16.7)	13 (43.3)	10 (33.3)	2 (6.7)	3.30
Mutadayyin							
BM05	Saya tetap menunaikan solat lima waktu di mana sahaja saya berada	0	1 (3.3)	2 (6.7)	4 (13.3)	23 (76.7)	4.63
BM02	Saya menunaikan solat fardhu pada awal waktu di rumah	0	1 (3.3)	16 (53.3)	11 (36.7)	2 (6.7)	3.47
BM10	Saya mengamalkan puasa sunat pada waktu cuti sekolah	3 (10.0)	11 (36.7)	12 (40.0)	3 (10.0)	1 (3.3)	2.60
Penampilan Diri							
BP01	Saya menutup aurat dengan sempurna di sekolah	0	1 (3.3)	1 (3.3)	5 (16.7)	23 (76.7)	4.67
BP06	Saya menggunakan bahasa yang baik dalam perbincangan	0	1 (3.3)	6 (20.0)	13 (43.3)	10 (33.3)	4.07
BP10	Saya dihormati oleh rakan-rakan	1 (3.3)	1 (3.3)	13 (43.3)	10 (33.3)	5 (16.7)	3.57
Jati Diri							
BJ02	Saya mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan saya	0	0	5 (16.7)	12 (40.0)	13 (43.3)	4.27
BJ04	Saya bertolak ansur sekiranya ada perbezaan pandangan dengan rakan-rakan dalam perbincangan	0	0	6 (20.0)	16 (53.3)	8 (26.7)	4.07
BJ08	Saya dapat mempengaruhi kawan-kawan saya ke arah perkara kebaikan	0	0	9 (30.0)	17 (56.7)	4 (13.3)	3.83

Bagi pengamalan modul Penampilan diri, hasil analisa menunjukkan skor min terdiri dari 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Skor min tertinggi ialah “Saya menutup aurat dengan sempurna di sekolah” (min = 4.67). Skor min sederhana tertinggi ialah “Saya menggunakan bahasa yang baik dalam perbincangan” (min = 4.07) dan skor min paling rendah ialah “Saya dihormati oleh rakan-rakan” (min = 3.57).

Dapatan skor min pengamalan modul Jati Diri menunjukkan pengamalan pelajar terdiri dari 2 tahap iaitu tinggi dan sederhana tinggi. Skor min tertinggi ialah “Saya mengamalkan cara hidup

Islam dalam kehidupan saya” (min = 4.27), skor min sederhana tertinggi ialah “Saya bertolak ansur sekiranya ada perbezaan pandangan dengan rakan-rakan dalam perbincangan” (min = 4.07) dan skor min terendah ialah “Saya dapat mempengaruhi kawan-kawan saya ke arah perkara kebaikan” (min = 3.83).

Hasil analisis keempat-empat modul tersebut menggambarkan responden memiliki tahap budi bahasa dan sikap hormat menghormati yang tinggi terhadap guru (min = 4.67), juga merupakan peratusan tertinggi (76.7%) diantara keempat-empat modul tersebut. Dapatan ini menyamai dengan dapatan [20] (min 4.12), [21] (min = 4.75) yang merumuskan nilai hormat menghormati mencapai tahap tinggi dalam kalangan murid muslim di sekolah. Namun begitu nilai hormat menghormati sesama rakan dalam keempat-empat modul ini menunjukkan kedudukan terendah yang mana akan mempengaruhi sikap peribadi seseorang. Amalan mendekatkan diri kepada Allah keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi jika berada di sekolah tetapi rendah jika berada di rumah. Ini menunjukkan pelajar akan menunaikan tanggungjawab apabila sesuatu amalan itu dijadikan budaya. Pembudayaan dan pengamalan ibadat secara berterusan akan membentuk satu tabiat hidup dan meningkatkan ketakwaan yang akan menjadi benteng dalam kehidupan pelajar [22]. Justeru itu, membudayakan amalan SUMUR di sekolah akan membina akhlak terpuji serta memberi impak kepada peribadi dan tingkah laku seseorang pelajar.

6.3 Tahap Penghayatan Akhlak Murid

Jadual 6 menunjukkan min keseluruhan tahap penghayatan akhlak dalam kalangan murid. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penghayatan akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi dengan min keseluruhan adalah 4.44 dan sisihan piawai adalah 0.33. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Wan Nor Adibah Wan Ahmad [7] yang juga menunjukkan tahap penghayatan akhlak yang tinggi dengan min 4.28 dan sisihan piawai 0.404.

Jadual 6

Min keseluruhan tahap penghayatan akhlak murid

	N	Min	Sisihan piawai
Tahap penghayatan akhlak murid	30	4.44	0.33

Jadual 7 di bawah memaparkan penghayatan akhlak yang diamalkan oleh responden kajian berada ditahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati nilai min tertinggi ialah “Saya sentiasa berdoa dan memohon pertolongan Allah kerana yakin dengan kekuasaan dan kebesaran Allah” (min = 4.77) daripada sub domain adab terhadap Allah juga merupakan peratus tertinggi (76.7%), bagi nilai min sederhana terdapat dua nilai min yang sama (min = 4.70) iaitu “Saya mementingkan pengambilan makanan halal dalam amalan pemakanan saya” daripada sub domain adab terhadap diri dan “Saya mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT terhadap kedua ibubapa saya” daripada sub domain adab terhadap ibubapa. Nilai min terendah ialah dari sub domain adab terhadap rakan “Saya mencegah rakan-rakan dari melakukan perkara maksiat” (min = 4.17). Hasil dapatan bertentangan dengan dapatan yang telah diperolehi dalam kajian yang telah dilakukan oleh Azhar Ahmad [3] tentang tahap penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak berada pada tahap sederhana tinggi.

Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan pengamalan murid terhadap aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam modul Sahsiah Unggul Murid mencapai tahap sederhana tinggi dan tinggi dalam penghayatan akhlak murid. Ini menunjukkan bahawa program modul SUMUR memberi kesan positif kepada pembangunan modal insan dan objektif matlamat pendidikan Islam yang

mengutamakan aspek kerohanian. Melalui pengamalan, responden dilihat sentiasa bertanggungjawab dalam pengamalan amalan fardu sama ada solat atau berpuasa di bulan ramadan. Walaupun begitu, dalam aspek pengamalan amalan sunat berada pada tahap rendah sekiranya dilaksanakan di rumah. Ini menunjukkan amalan sunat dilaksanakan di sekolah kerana sudah menjadi tabiat atau budaya pelajar. Begitu juga dalam penghayatan akhlak murid, dapatan menunjukkan tahap hubungan dengan Allah berada ditahap tertinggi. Ini menggambarkan responden benar-benar komited dengan amalan doa dan menjaga hubungan dengan Allah. Amalan berdoa dan mengharapkan pertolongan Allah dalam kehidupannya merupakan sifat seorang Muslim yang bertakwa [7]. Namun begitu responden dilihat sukar untuk melaksanakan amalan sunat sedangkan amalan-amalan sunat dapat menampung kekurangan amalan fardu dan mendekati diri kepada Allah. Aspek terhadap rakan menunjukkan skor min terendah samada melalui pengamalan SUMUR dan juga penghayatan akhlak. Gambaran ini menunjukkan sebilangan kecil responden memerlukan bimbingan terhadap kepentingan menjaga hubungan sesama rakan kerana sikap ini akan mempengaruhi perilaku seseorang.

Jadual 7

Analisa tahap penghayatan akhlak murid

Bil	Penghayatan akhlak	STS	TS	TP	S	SS	Min
CA09	Adab terhadap Allah Saya sentiasa berdoa dan memohon pertolongan kepada Allah SWT kerana yakin dengan kekuasaan dan kebesaran Allah SWT	0	0	0	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77
CA01	Adab terhadap diri Saya mementingkan pengambilan makanan halal dalam amalan pemakanan saya	0	0	0	9 (30.0)	21 (70.0)	4.70
CA15	Adab terhadap ibu bapa Saya mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT terhadap kedua ibubapa saya	0	0	0	9 (30.0)	21 (70.0)	4.70
CA20	Adab terhadap rakan Saya mencegah rakan-rakan dari melakukan perkara maksiat	0	0	5 (16.7)	15 (50.0)	10 (33.3)	4.17

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya tahap Pengamalan Modul SUMUR pelajar adalah tinggi dari 3 domain dan 1 domain berada pada tahap sederhana tinggi, manakala tahap penghayatan akhlak murid berada di tahap tinggi. Ini menggambarkan Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) mempengaruhi tahap penghayatan akhlak murid dan memberi kesan positif kepada pembangunan modal insan. Dapatan menunjukkan responden keseluruhannya membudayakan Modul Sumur sebagai amalan di sekolah walupun tidak semua membudayakannya ketika berada di rumah. Begitu juga dari aspek penghayatan akhlak menunjukkan pembudayaan amalan SUMUR menghasilkan akhlak yang baik terutamanya dalam ibadat wajib dan sikap hormat menghormati yang menunjukkan skor min yang tinggi. Namun begitu dapatan menunjukkan hubungan sesama rakan berada pada kedudukan terendah walaupun mencapai skor min sederhana tinggi. Ini menggambarkan bahawa sikap

sebahagian mereka yang lebih mementingkan diri. Perkara ini perlu diambil berat dan diberi perhatian agar gejala sosial berkaitan sesama rakan dapat dibendung dengan cara membudayakan amalan Islam sebagai satu cara hidup. Bertepatan dengan pandangan Wan Nor Adibah Wan Ahmad [7] yang menyatakan membudayakan Islam sebagai satu cara hidup akan melahirkan murid yang kuat dan kental fizikal dan mental serta matang dalam membuat keputusan dalam menghadapi era globalisasi.

Rujukan

- [1] Ajmain@Jimaain Safar & Ab Halim Tamuri, "TAHAP PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENURUT PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA," 2011.
- [2] Mohamed Hamdan Abdullah, "Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja Perempuan Islam Di Politeknik Di Negeri Perak: Jenis-Jenis Dan Faktornya," Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- [3] Azhar Ahmad, "Strategi pembelajaran dan peraturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak," Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- [4] Hafizah, Noor, and Mohd Haridi. "Program agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari aspek pelaksanaan dan keberkesanan." PhD diss., University of Malaya, 2016.
- [5] Suhid, Asmawati. "Adab dan akhlak Islam dalam Pendidikan Islam: satu kajian kes di Selangor." *Jurnal CITU* 2, no. 1 (2006): 53-66.
- [6] Mohd Rosdi Mahamud, "Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar : Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis," 2010.
- [7] Wan Nor Adibah Wan Ahmad, "PEMBENTUKAN JATI DIRI MUSLIM MELALUI PENGAMALAN MODUL SAHSIAH UNGGUL MURID DI HULU LANGAT DAN SEPANG, SELANGOR," FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, 2015.
- [8] Mokhtar, Sarimah, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab Halim Tamuri, and Kamarulzaman Abdul Ghani. "Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor." *Global Journal Al-Thaqafah* 1, no. 1 (2011): 71-78.
- [9] Ishak Ismail, "Budaya nilai-nilai keagamaan dan disiplin pelajar di sekolah menengah agama negeri Selangor. Thesis PHD Universiti Kebangsaan Malaysia," 2012.
- [10] Mohd Hairudin Amin, "Pendidikan Islam di Johor: Perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar.," Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- [11] Jasmi, Kamarul Azmi. "Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes." PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- [12] Muhammad bin Nordin, "Penilaian Pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)," Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017.
- [13] SUMUR, "PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM (SUMUR), SAHSIAH UNGGUL MURID DI SMKA DAN SABK MALAYSIA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN," 2014.
- [14] A. H. M. Al-Ghazali, *Akhlak Seorang Muslim, Pertama*. Batu Caves, Selangor: Crescent News (KL) SDN BHD, 2002.
- [15] Suhid, Asmawati. "Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan." *Jurnal Pengajian Umum Bil 8* (2007): 167.
- [16] Hasnan Kasan, *Sahsiah pelajar cemerlang, Pertama*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Bina Ummah Publication, 2005.
- [17] W. Wiersma, *Research Methods in Education*. Boston: Allyn and Bacon, 2000.
- [18] Mahmood, Azma. "Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia." PhD diss., Tesis Ph. D Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- [19] J. C. Nunally, *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Education, 1978.
- [20] Othman, Mohamad Khairi Hj. "Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini." *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 1* (2015): 20.
- [21] Sarijah Abdul Salim, "Faktor-faktor pengamalan nilai-nilai Islam di kalangan pelajar: satu kajian di sekolah menengah daerah Jempol, Negeri Sembilan. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.," 2007.
- [22] Ismail, Ahmad Munawar, Zakari Stapa, Mohd Yusof Othman, and Mashitoh Yaacob. "ISLAM DALAM PENDIDIKAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU DI MALAYSIA (Islam in Education and Its Relation to the Formation of Malay Ethnic Identity in Malaysia)." *Jurnal Hadhari: An International Journal* (2012): 37-50.